

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]

TARIKH : 18 Mei 2016

SOALAN : Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
sejauh manakah FAMA membantu
petani-petani di kawasan Parlimen
Batu Gajah. Apakah sasaran FAMA
dalam jangka pendek dan jangka
panjang untuk membantu petani-petani
di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

FAMA telah memberikan khidmat pemasaran bagi membantu petani-petani di kawasan Parlimen Batu Gajah melalui pelaksanaan pelbagai projek dan inisiatif bagi memastikan hasil keluaran petani dapat dipasarkan pada harga yang munasabah dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka. Khidmat pemasaran yang telah dan sedang dilaksanakan FAMA adalah seperti berikut :

- a) Program Ladang Kontrak untuk membantu petani-petani mendapat jaminan pasaran ke atas produk yang dikeluarkan dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan. Melalui program ini, pihak FAMA akan mengadakan perjanjian rasmi (perjanjian jual beli) bersama petani-petani bagi urusan pembelian hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan. Program ini juga turut menyediakan harga lantai iaitu harga sokongan sekiranya harga jatuh berbanding harga pasaran semasa. Sehingga Mac 2016, seramai 10 orang petani dengan keluasan 54.14 hektar di sekitar kawasan Parlimen Batu Gajah telah mendaftar dengan pihak FAMA untuk menyertai Program Ladang Kontrak yang meliputi pelbagai jenis komoditi tanaman buah-buahan dan sayuran.

b) Selain itu, FAMA juga menyediakan akses pasaran terus melalui penubuhan outlet-outlet pemasaran FAMA seperti Pasar Tani, Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) dan rangkaian outlet produk Industri Asas Tani (IAT) bagi membolehkan golongan petani memasarkan sendiri hasil keluaran tanaman mereka tanpa melibatkan orang tengah. Ini membolehkan petani dan usahawan memperolehi hasil jualan yang lebih tinggi sebagai pendapatan mereka. Sehingga Mac 2016, seramai 10 orang usahawan Industri Asas Tani (IAT) telah berdaftar dengan FAMA di kawasan Parlimen Batu Gajah dengan nilai jualan tahunan sebanyak RM 1,187,000.00, manakala seorang peserta bagi Program Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) FAMA di kawasan berkenaan dengan capaian nilai jualan tahunan (2015-2016) sehingga RM 248,300.00.

FAMA akan terus berperanan memberikan khidmat pemasaran dalam usaha membantu petani dan pemasar dalam meningkatkan pendapatan mereka. Pada tahun 2016, seramai 8 orang petani dijangka akan menyertai Program Ladang kontrak melalui FAMA manakala sasaran 50 peserta baru akan menyertai Pasar tani yang melibatkan peserta/usahawan dari kawasan Parlimen Batu Gajah. Secara keseluruhannya, FAMA mensasarkan pada tahun 2016 untuk meningkatkan penyertaan petani –petani ke dalam Program Ladang Kontrak dan usahawan-usahawan pemasar dengan peningkatan pendapat lebih RM5000.00 sebulan.